



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

28 OGOS 2022 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

28 OGOS 2022 (AHAD)

Jihad tangani inflasi tunjuk kesan positif

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
utusannews@mediamula.com.my

BERA: Usaha Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi mula menunjukkan kesan positif apabila harga barang runcit semakin stabil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kesan penubuhan pasukan tersebut menyaksikan kenaikan harga lebih terkawal dengan jaminan rantai bekalan makanan dan barang lebih meyakinkan terutama ayam dan minyak masak botol.

Katanya, kerajaan terus mempergiat usaha memastikan penjenamaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) diperluas ke seluruh negara.

"Kita mula melihat hasil positif daripada usaha-usaha berterusan oleh kerajaan.

"Langkah seterusnya, kerajaan memperluaskan dan menjenamakan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) kepada JMKM melibatkan 600 Dewan Undangan Negeri seluruh negara dan 13 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata demikian ketika Majlis pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) dan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) Peringkat Kebangsaan di Dataran Kerayong, Bera, semalam.

Pasukan Khas Jihad Tangani



ISMAIL Sabri Yaakob beramah mesra dengan orang ramai di Dataran Kerayong, Bera, Pahang, semalam.

Inflasi diwujudkan pada 29 Jun lalu dipengerusikan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa bertujuan membantu rakyat menghadapi peningkatan kos sara hidup

Ismail Sabri berkata, kerajaan akan memastikan agenda digitalisasi ditumpukan di semua peringkat berikut wujud jurang besar dalam pembayaran tanpa tunai antara bandar dan luar bandar khususnya sektor peruncitan.

Beliau berkata, urus niaga secara dalam talian sudah menjadi satu norma baharu, bahkan

pembayaran tanpa tunai yang menjadi pemangkin ekonomi digital negara, diunjur menyumbang 25 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2025.

"Bagi menggalakkan pembayaran tanpa tunai ini, kerajaan menawarkan inisiatif e-voucher Program Jualan Malaysia dengan peruntukan RM2 juta bermula 30 Ogos hingga 31 Disember ini dan e-voucher boleh dimuat turun melalui aplikasi *MySales Tracker* Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna," katanya.

Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi tunjuk hasil positif

Kerajaan jamin terus jayakan inisiatif bantu rakyat hadapi isu kos sara hidup

Oleh Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Bera: Langkah kerajaan menuju ke arah pembentukan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi pada penghujung Jun lalu, mendatangkan hasil positif dalam menangani peningkatan kos sara hidup rakyat, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Antara hasil positif itu, Perdana Menteri menjelaskan, adalah kenaikan harga barang yang lebih terkawal dengan jaminan rantai bekalan makanan dan barang, terutama ayam dan minyak masak botol yang lebih meyakinkan.

Beliau memberi jaminan, kerajaan terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk memperluaskan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) bagi membantu rakyat mendekati

pani isu kos sara hidup dan inflasi semasa yang melanda seluruh dunia.

"Kerajaan memperluaskan dan menjenamakan PJKM kepada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM), membabitkan 600 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara dan 13 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan," katanya.

Program JMKM yang bermula pada minggu ketiga bulan ini hingga Disember depan menawarkan pengurangan harga barang keperluan harian sehingga 20 peratus berbanding harga pasaran semasa setempat.

Pejabat pintar KPDNHEP

Ismail Sabri berkata demikian ketika melancarkan Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) Peringkat Kebangsaan dan Penjenamaan. Semula Program JMKM, di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bera turut mengumumkan sebuah pejabat pintar Kementerian Pertdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang pertama di Malaysia, lengkap dengan kemudahan digitalisasi terkini dan akan beroperasi di sini mulai Januari depan.



Ismail Sabri bersama Alexander melihat produk pertanian pada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia di Dataran Kerayong, Bera, semalam.

(Foto BERNAMA)

Perdana Menteri berkata, sebanyak RM100 juta diperuntukkan melalui lima kementerian sebagai agensi pelaksana untuk menjayakan JMKM sehingga akhir tahun ini yang diharap memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Mengenai ReDI, beliau menjelaskan, inisiatif berkenaan akan diperluaskan ke kawasan luar bandar bagi memastikan agenda digitalisasi, khususnya penggunaan e-dompet dalam kalangan pengguna dan peniaga dapat dicapai.

Katanya, ReDI yang dipelopori KPDNHEP adalah langkah proaktif yang tepat pada masa ini dan turut disokong Bank Negara Malaysia (BNM) dalam mewujudkan masyarakat digital yang inklusif.

"Pada masa ini, terdapat jurang yang besar dalam pembayaran tanpa tunai di antara kawasan bandar dan luar bandar sedangkan kerajaan berhasrat masyarakat di luar bandar juga tidak terpinggir daripada arus

kepesatan ekonomi digital.

"Jadi, kerajaan akan terus memastikan agenda digitalisasi menjadi tumpuan utama di semua peringkat, termasuk memperluas kaedah pembayaran secara elektronik ke seluruh pelosok negara.

"Melalui usaha ini, kerajaan yakin peralihan kepada kaedah pembayaran elektronik seperti penggunaan e-dompet bukan sahaja mudah, cepat dan selamat, malah membantu peniaga mengurangi pernialaan dengan lebih baik dan efisien," katanya.

Tawar pelbagai insentif khas

Perdana Menteri juga maklumkan, kerajaan menawarkan insiatif e-baucar Program Jualan Malaysia dengan peruntukan RM2 juta mulai 30 Ogos hingga 31 Disember yang boleh dimuat turun melalui aplikasi MySales Tracker KPDNHEP bagi menggalakkan pembayaran tanpa tunai.

Untuk Parlimen Bera, Ismail Sabri maklumkan, insentif e-dompet sebanyak RM20 dise-

diakan kepada 1,000 individu, manakala e-dompet RM100 bagi 1,500 individu dalam kumpulan sasar terpilih dari setiap DUN di kawasan itu.

Katanya, urus niaga dan perkhidmatan dalam talian adalah hikmah di sebalik pandemik COVID-19, menjadikannya norma baharu dengan pembayaran tanpa tunai diunjur menyumbang 25 peratus kepada Kehuian Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2025.

Berdasarkan Payment Network Malaysia (PayNet) Digital Payment Insight Study 2022, beliau memaklumkan, peratusan rakyat Malaysia menggunakan tunai untuk tujuan pembayaran turun 11 peratus kepada 78 peratus berbanding 89 peratus sebelum pandemik.

Antara inisiatif bagi menggalakkan pembayaran tanpa tunai melalui e-dompet ialah e-Pemula yang dilancarkan April lalu dengan peruntukan RM300 juta dalam Bajet 2022 dan memanfaatkan sekitar dua juta belia seluruh negara.

Sasar 15,000 peniaga, penjaja daftar ReDI menjelang 2025

Bera: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyasarkan 15,000 peniaga dan penjaja seluruh negara berdaftar di bawah Program Inisiatif Pendidikan Sektor Peruncitan (ReDI) menjelang 2025.

Menyeruaya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata setakat 1 Ogos lalu, program dilancarkan pada April 2021 itu yang antara lain bertujuan merapatkan jurang digital di antara peniaga di kawasan bandar dan luar bandar, berjaya menarik 5,321 peniaga.

"Sasaran kita setiap tahun, 3,750 penjaja dan peruncit mendaftar dalam program ini," ka-

tanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran ReDI dan Penjenamaan Semula Program Jualan Keluarga Malaysia (PJJKM) Peringkat Kebangsaan, di sini semalam.

Bagi Bera, Alexander berkata, pihaknya menyasarkan sekurang-kurangnya 4,000 peniaga menyertai inisiatif itu menjelang 2025, tambahan kepada lebih 1,000 yang berbuat demikian sempena program semalam.

Engguna e-dompet meningkat Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, penggunaan e-dompet di Malaysia makin meningkat pesat kesan pandemik COVID-19 dengan laporan Bank Negara

mendapat peningkatan 131 peratus kepada lebih 600 juta transaksi pada 2020 berbanding 2019.

Katanya, kementerian menjalin kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan e-dompet seluruh negara, khususnya di luar bandar dengan antara lokasi terpilih adalah Kapit, Sarawak; Kuala Berang, Terengganu dan Pulau Pangkor, Perak.

Mengenai PJJKM yang dijenamakan semula sebagai Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM), beliau memaklumkan, inisiatif diperkenalkan Disember 2021 itu telah dilaksanakan di 2,433 lokasi dengan jumlah 4.2 juta pengunjung direkodkan setakat ini.

Kurangkan jurang dalam pembayaran tanpa tunai antara bandar, luar bandar

Digitalisasi di semua peringkat – PM


Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN dan AZIZAH SHAFIE

BERA – Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, terdapat jurang besar dalam pembayaran tanpa tunai antara kawasan bandar dan luar bandar khususnya sektor peruncitan yang melibatkan peniaga kecil dan penjaja.

Beliau berkata, sehubungan itu kerajaan akan memastikan agenda digitalisasi ditumpukan di semua peringkat termasuk luar bandar.

"Sememangnya menjadi hasrat kerajaan, mereka yang berada di luar bandar juga tidak terkecual dari arus kepesatan ekonomi digital sejarah dengan semangat Keluarga Malaysia, tiada slaya yang dibiar terpinggir."

"Kerajaan akan terus memastikan agenda digitalisasi menjadi tumpuan utama di semua peringkat termasuk memperluaskan kaedah pembayaran secara elektronik ke seluruh pelosok negara," katanya pada Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pen-digitalan Sektor Peruncitan (ReDI)



ISMAIL SABRI (tiga dari kiri) diiringi Alaxander (dua dari kiri) melihat ayam segar murah pada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia di Dataran Kerayong, Bera semalam.

Peringkat Kebangsaan dan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia di Dataran Kerayong, Bera semalam.

Ujarnya, urus niaga dalam talian menjadi satu norma ba-

haru, bahkan pembayaran tanpa tunai yang menjadi pemanjangan ekonomi digital negara, diunjur menyumbang 25 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2025.

Jelasnya, berdasarkan Payment Network Malaysia (PayNet) Digital Payment Insight Study 2022, peratusan rakyat Malaysia menggunakan wang tunai untuk tujuan pembayaran menurun 11 peratus

kepada 78 peratus berbanding 89 peratus sebelum pandemik.

Ujarnya, bagi mengalakkkan pembayaran tanpa tunai melalui e-dompet di bawah Bajet 2022, sebanyak RM300 juta diperuntukan di bawah inisiatif ePemula yang memberi manfaat kepada kira-kira dua juta belia.

Dalam pada itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kementeriannya menyasarkan 15,200 peniaga kecil peruncitan mendaftar di bawah ReDI menjelang 2025.

"Setakat ini, terdapat 5,321 peniaga kecil telah berdaftar di bawah program ReDI sejak diperkenalkan pada 6 April 2021.

"Bagi memastikan sasaran ini dicapai, kementerian turun ke lapangan bersama rakan strategik penyediaan perkhidmatan e-dompet ke seluruh negara khususnya di luar bandar.

"Bagi mencapai sasaran 100 peratus peniaga kecil berdaftar setiap tahun kita akan memastikan 3,750 penjaja dan peruncit akan berdaftar," katanya.

INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN

PERLUAS E-DOMPET

Bera

Kerajaan akan memastikan agenda digitalisasi khususnya penggunaan e-dompet dalam kalangan pengguna dan peniaga diperluaskan ke kawasan luar bandar menerusi Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI),” kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, ReDI yang dipelopori Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) adalah langkah proaktif yang tepat pada masanya dan turut disokong Bank Negara Malaysia (BNM) dalam mewujudkan masyarakat digital yang inklusif.

Beliau berkata, pada masa ini terdapat jurang yang besar dalam pembayaran tanpa tunai antara kawasan bandar dan luar bandar sebanding kerajaan berharap masyarakat di luar bandar juga tidak terpinggir dari pada arus kepesatan ekono-



ISMAIL Sabri pada Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan Peringkat Kebangsaan dan Penjenamaan Semula Jualan Murah Keluarga Malaysia di Dataran Kerayong.

- Gambar NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG

mi digital.

“Kerajaan terus memastikan agenda digitalisasi menjadi tumpuan utama di semua peringkat termasuk memperluas kaedah pembayaran secara elektronik ke seluruh pelosok negara.

“Melalui usaha ini, kerajaan yakin peralihan kepada kaedah pembayaran elektronik seperti penggunaan

e-dompet bukan sahaja mudah, cepat dan selamat, tetapi juga membantu peniaga mengurus perniagaan mereka dengan lebih baik dan efisien,” katanya ketika berucap melancarkan Program ReDI Peringkat Kebangsaan dan Penjenamaan Semula Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) di Dataran Kerayong di sini, se-

malam.

Bagi menggalakkan pembayaran tanpa tunai, Perdana Menteri berkata, kerajaan menawarkan inisiatif e-baucar Program Jualan Malaysia dengan peruntukan RM2 juta mulai 30 Ogos ini hingga 31 Disember depan yang boleh dimuat turun melalui aplikasi MySales Tracker KPDNHEP.

Perkasa ReDI di kawasan luar bandar

Kerajaan pastikan agenda digitalisasi khususnya penggunaan e-dompet diperluaskan

Oleh NORAWAZNI YUSOF
BERA

Kerajaan dalam usaha memperkasa Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) bagi merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar dalam mengadaptasi ekonomi digital terutamanya pembayaran tanpa tunai di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ini kerana jurang perkembangan penggunaan ekonomi digital luar bandar khususnya dalam sektor peruncitan yang melibatkan ramai peniaga kecil dan penjaja masih jauh jika dibandingkan di bandar.

"Dalam konteks ini, saya dimaklumkan bahawa inisiatif ReDI merupakan salah satu program berimpak tinggi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk

memastikan agenda digitalisasi khususnya penggunaan e-dompet untuk pengguna dan peniaga diperluaskan ke kawasan luar bandar.

"Tentunya kerajaan tidak mahu melihat golongan peniaga kecil dan penjaja di luar bandar ketinggalan dalam arus ekonomi digital yang pantas bergerak ini. Bagi memastikan tiada manama Keluarga Malaysia ketinggalan, jadi pelbagai inisiatif telah dirangka oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) dan Penjenamaan Semula Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) peringkat kebangsaan di Dataran Kerayong, Bera pada Sabtu.

Ismail Sabri menjelaskan, bagi melaksanakan penggunaan pembayaran tanpa tunai melalui e-dompet di bawah Bajet 2022, sebanyak RM300 juta diperuntukkan di bawah inisiatif e-Pemula yang telah memanfaatkan sekitar 2 juta belia di seluruh negara.

Tambahnya, belia yang layak telah menerima sebanyak RM150 kredit melalui e-tunai menerusi aplikasi e-dompet terpilih.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, inisiatif ReDI ini adalah langkah proaktif yang tepat pada masanya dan disokong oleh



Ismail Sabri (dua dari kiri) menyerahkan replika cek kepada peniaga pada Majlis Pelancaran Program ReDI dan Penjenamaan Semula Program JMKM peringkat kebangsaan di Dataran Kerayong, Bera pada Sabtu.

Bank Negara Malaysia dalam usaha mewujudkan masyarakat digital yang inklusif.

Ujarnya, kerajaan akan terus memastikan agenda digitalisasi ini dijadikan fokus utama untuk dilaksanakan di semua peringkat.

"Ini termasuklah memperluaskan kaedah pembayaran secara elektronik ke seluruh pelosok negara.

"Melalui usaha ini, kerajaan yakin peralihan kepada kaedah elektronik seperti penggunaan e-dompet bukan sahaja mudah, cepat dan selamat tetapi ia dapat memberi peluang kepada peniaga untuk mengurus perniagaan mereka dengan lebih baik dan efisien," katanya.

Sehubungan itu, Ismail Sabri memaklumkan, bagi meningkatkan lagi kesedaran pengguna dan golongan peniaga untuk beralih kepada penggunaan e-dompet, kerajaan melalui KPDNHEP akan menyediakan e-voucher Program Jualan Malaysia kepada pengguna bagi meringankan beban kewangan dan menggalakkan perbelanjaan tanpa tunai.

Jelasnya, bagi tujuan itu, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM2 juta untuk inisiatif e-voucher Program Jualan Malaysia yang bermula pada 30 Ogos hingga 31 Disember depan.

"E-voucher Program Jualan Malaysia ini boleh dimuat turun

melalui aplikasi MySales Tracker yang disediakan oleh KPDNHEP.

"Sebagai tambahan, saya dimaklumkan, khusus untuk Parlimen Bera insentif e-dompet sebanyak RM20 akan disediakan kepada 1,000 orang selain e-dompet sebanyak RM100 bagi 1,500 kumpulan sasar terpilih dari setiap DUN di bawah Parlimen Bera. Terima kasih saya ucapan kepada KPDNHEP," ujarnya.

Pada majlis itu, Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera turut mengumumkan sebuah pejabat pintar KPDNHEP yang pertama di Malaysia lengkap dengan kemudahan digitalisasi terkini akan beroperasi di Bera mulai Januari depan.

Sasar 15,200 peniaga kecil mendaftar di bawah ReDI

BERA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyasarkan 15,200 peniaga kecil dari sektor peruncitan mendaftar di bawah program Inisiatif Digital Peruncitan (ReDI) menjelang tahun 2025.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai, KPDNHEP telah turun ke lapangan bersama rakan strategik penyedia perkhidmatan e-dompet ke seluruh negara khususnya di luar bandar dan di lokasi terpilih.

Menurutnya, setakat ini, hanya 5,321 peniaga kecil yang sudah berdaftar di bawah program ReDI sejak diperkenalkan oleh KPDNHEP pada 6 April 2021 di Putrajaya secara program rintis.

"Bagi mencapai sasaran 100 peratus peniaga kecil berdaftar,

pada setiap tahun kita akan pastikan 3,750 penjaja dan peruncit berdaftar.

"Di Bera, 1,000 peniaga kecil sudah berdaftar daripada jumlah keseluruhan iaitu sekitar 4,000. Jadi, kita harapkan sepanjang program ReDI ini berlangsung mereka dapat membuat pendaftaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) dan Penjenamaan Semula Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) peringkat kebangsaan di Dataran Kerayong, di sini pada Sabtu.

Alexander menjelaskan, objektif utama Program ReDI ialah untuk merapatkan jurang digital di bawah sektor peruncitan yang melibat-

kan peniaga kecil melalui penggunaan e-dompet yang lebih mudah dan selamat.

"Sekiranya tiada langkah proaktif diambil oleh kerajaan, golongan peniaga sektor peruncitan di luar bandar dijangka jauh ketinggalan dalam arus digital yang pesat berkembang," ujarnya.



ALEXANDER

'Special Task Force on Inflation delivering good results'

BERA: The Special Task Force on Jihad against Inflation, created to help Malaysians deal with the rising cost of living, is beginning to show positive results, says Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

The task force, he added, had succeeded in controlling price hikes and guaranteeing adequate supply of goods, especially chicken and bottled cooking oil.

"Various initiatives are being carried out to help the people face the cost of living challenge and inflation crisis that is affecting the whole world."

"The government expanded and rebranded the Keluarga Malaysia Sales Programme (PJKM) to the Keluarga Malaysia Cheap Sale Programme (JMKM) involving 600 state constituencies across the country and 13 parliamentary constituencies in the Federal Territories," he said.

The Prime Minister said this at the launch of the national-level Retail Sector Digitalisation Initiative (ReDI) Programme and the rebranding of JMKM here yesterday.

JMKM, which starts in the third week of this month until December, offered essential items up to 20% below the local market price, reported Bernama.

Ismail Sabri said the government had allocated RM80mil through five implementing agencies to make JMKM a success.

During another event, he said the digitalisation agenda, especially the use of e-wallets among consumers and traders, would be expanded to rural areas through ReDI.

He said ReDI, spearheaded by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, was a timely and proactive move supported by Bank Negara Malaysia in creating an inclusive digital society.

"There was currently a wide gap



Good deals: Ismail Sabri (centre) checking out various produce being sold under government initiatives at Dataran Kerayong in Bera, Pahang. Looking on beside him is Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi. — Bernama

in cashless payments between urban and rural areas, even though the government wanted rural communities not to be left out or marginalised from the digital economy advancement. The government would continue to ensure the digitalisation agenda became the main focus at all levels, including expanding electronic payment methods nationwide.

"Through this effort, the government was confident that the transition to electronic payment methods such as the use of e-wallets was not only easy, fast and secure but also helped traders manage their businesses better and more efficiently," he said at the launch of the National

ReDI Programme and the rebranding of JMKM at Dataran Kerayong.

To encourage cashless payments, the Prime Minister said the government would be offering "Program Jualan Malaysia" e-vouchers with an allocation of RM2mil from Aug 30 to Dec 31, which could be downloaded from the ministry's MySales Tracker application.

As for Bera, he said an e-wallet incentive of RM20 would be provided to 1,000 people, in addition to RM100 credit to 1,500 people from selected target groups in each state constituency under the parliamentary constituency.

In his speech, Ismail Sabri said online transactions had become the

new norm, in fact, cashless payment, which is the catalyst for the digital economy, was projected to contribute 25% to the GDP by 2025.

"Based on the Payment Network Malaysia (PayNet) Digital Payment Insight Study 2022, the percentage of Malaysians using cash for payment purposes decreased by 11 points to 78% from 89% before the pandemic," he said.

Among the initiatives implemented to encourage cashless payments through e-wallets was e-Pemula, involving an allocation of RM300mil under Budget 2022, which had benefited around two million youths nationwide after it was launched in April.

Jualan Murah Keluarga Malaysia a big hit

KUALA LUMPUR: The Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) programme, which takes place from the third week of August until December, is much awaited by the public to purchase daily necessities at more affordable prices.

The programme, which offered goods at 20% lower than market prices, was held in several states yesterday and received an overwhelming response from local residents.

In Terengganu, standard chicken sold at RM6.99 per kg became the hottest selling item at a supermarket in Bukit Kecil near Kuala Terengganu.

Housewife Farah Aina Kassim, 38, was always attentive to where the programme would be held.

"Today, I bought a fairly large standard chicken for about RM16.

This was cheaper compared to other places, which is around RM8 per kg," she told Bernama.

Prior to this, Special Task Force of Jihad Against Inflation chairman Tan Sri Annuar Musa said the JMKM programme would be held for 18 weeks in 639 state constituencies nationwide and RM80m had been allocated through five ministries as implementing agencies.

In Melaka, a total of 28 business premises including Agrohazaar Rakyat, grocery stores, mini markets and Melaka Barat Area Fishermen's Association are participating in the two-day programme.

A mini market operator in Taman Bukit Tembakau, Idris Minhat, 62, said although the programme offers essential goods at cheaper prices, traders still got to enjoy some profit.

Idris said customers started to

throng his shop at 9am to buy rice, fresh chicken, fish, vegetables, local fruits and eggs.

In Johor, the JMKM programme held at BS Freshmart, Jalan Sri Mersing, Mersing, received encouraging response from the public.

BS Freshmart assistant manager Tan Chee Kiat said among the promotions were fresh chicken at RM6.80 per kg, ikan cencaru at RMS per kg, while vegetables such as white radish sold at RM1 per kg, compared to the original price of RM2.80.

A customer, Aradella Ali, 31, said she was thankful for the programme and suggested that it includes more items.

In Kelantan, the programme was held at Pasaraya Jelira, Kok Lanas, and local resident Mustapa Karim, 70, commended the initiative.

"This cheap sales programme needs to continue because it truly helped the middle class and the poor. Usually, I would spend more than RM50 to buy rice, meat, chicken and eggs but today, it was less than that," he said.

Meanwhile, Pasaraya Jelira Kok Lanas owner Ahmad Deraman said a total of 200 chickens were sold out in less than two hours.

In Pahang, Asri Othman, 69, said the JMKM programme at Dataran Kerayong, Bera, allowed him to bring home a huge supply of grocery items without having to spend a lot of money.

"I came here because I wanted to see for myself the price difference. I was reluctant at first because there must be a lot of people. It was worth it especially for me as I don't have a fixed income," he said.

SIASATAN PENIAGA NASI AYAM

HAMPIR SELESAI

Oleh Zuhainy Zulkifli
am@hmetro.com.my

Balik Pulau

Siasatan berhubung peniaga nasi ayam di Sungai Ara di sini, yang didakwa mendapatkan bekalan makanan daripada peniaga bukan Islam sudah hampir selesai.

Pemangku Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIP) Mohd Hanif Omar @ Wahab, berkata laporan siasatan dijangka selesai pada pertengahan September depan.

"Siasatannya sudah hampir selesai dan dijangka siap selewat-lewatnya pada pertengahan bulan depan.

"Bagaimanapun pada masa ini, siasatan berhubung isu itu masih diteruskan," katanya ketika ditemui pada satu majlis di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut Mohd Hanif berkata, siasatan berkenaan adalah bagi meneliti seksyen yang boleh digunakan dalam enakmen

berkaitan, sekiranya terdapat kesalahan mengikut syariah.

"Kita belum pasti (kesalahan) dan masih mencari ruang kerana tiada enakmen yang jelas berkaitan dengan penjualan produk tidak halal kepada orang Islam.

"Cuma kita akan tengok seksyen lain dalam enakmen kesalahan jenayah dan itu akan diteliti pihak lain seperti pihak pendakwahan.

"Tetapi saya tidak cakap peniaga itu akan didakwa kerana siasatan masih diteruskan dan kita perlu lihat hasilnya," katanya lagi.

"Siasatan berhubung isu itu masih diteruskan
Mohd Hanif

Menurut Mohd Hanif, umat Islam perlu berhati-hati membeli sebarang produk dan makanan yang dijual.

"Ini kerana di Malaysia, jika peniaga sudah memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM), pembeli tidak perlu ragu-ragu membelinya dan selagi tiada logo halal, pengguna perlu berwaspada.

"Hendak sijil halal memang sukar kerana keluarkan kos dan ada peniaga kecil yang tidak mampu kerana ia perlu dibayar berikutnya dalam proses tertentu

tetapi jika tiada logo halal, kita ada pilihan lain untuk cari yang halal. Orang awam perlu berhati-hati," katanya lagi.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan mengenai video tular yang memaparkan peniaga nasi ayam Muslim di Sungai Ara didakwa mendapatkan bekalan makanan di sebuah premis orang bukan Islam di Paya Terubong di sini.

Tindakan peniaga terabit mencetuskan kemarahan masyarakat berikutan kedai orang bukan Islam itu juga turut menjual makanan tidak halal.

Pemeriksaan JHEAIP yang dijalankan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang juga mendapat jualan makanan itu tidak memiliki SPHM termasuk di cawangannya di Persiaran Gurney.

Pemeriksaan terhadap restoran nasi ayam dan ritik bukan Islam di Paya Terubong juga didapati tidak memiliki SPHM.





**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

28 OGOS 2022 (AHAD)

SSM: 20 years empowering the business community



FOR the past 20 years, the Companies Commission of Malaysia (SSM) has been at the forefront of company incorporation and business registration services in the country, providing relevant information to the public as well as being a key leader in improving the country's corporate governance.

The crucial period has seen the commission going through various transformations aimed at ensuring the business environment in Malaysia remains conducive, viable and at the heart of the country's economic prosperity.

In recognising the feat during SSM's 20th anniversary celebration themed 'SSM Two Decades: Inspiration of Business Confidence', last April 15, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said SSM's success is due to the commission's efficiency in formulating its own direction.

In explaining the commission's growth in two decades, its chief executive officer Datuk Nor Azimah Abdul Aziz said since SSM's inception on April 16, 2002, it has created a dynamic corporate environment for doing business in the country.

"Malaysia has witnessed the modernisation of the legal frameworks regulated by SSM and has developed laws that are on par with international best corporate practices."

"Since its inception in 2002, SSM has successfully tabled a total of 11 Bills to Parliament regarding the introduction or amendment of various legislation administered by SSM as well as gazetting 37 subsidiary laws."

"Among them are the Companies Commission of Malaysia Act 2001, Companies Act 2016, Interest Schemes Act 2016, Registration of Businesses Act 1956, Limited Liability Partnerships Act 2012, Trust Companies Act 1949, and the Kuit Fund [Prohibition] Act 1971. SSM has also consistently reviewed, improved and strengthened the existing legal framework," she said.

Nor Azimah said in the 20 years, SSM reached various milestones and important transformations to drive the country's business sector, in line with the rapid business development at the international and domestic levels.

"SSM has undergone transformation in terms of providing services from manual to fully digital platforms such as introduction of the EzBiz Online, MyCoD, MyLLP and MBRS portals."

"This has enabled the formulation



Alexander Nanta Linggi (second from right) accompanied by Nor Azimah Abdul Aziz (right) at SSM's 20th Anniversary Celebration at Menara SSM@ Sentral, in Kuala Lumpur in April.

of SSM's business model and operations by leveraging on digital capabilities towards becoming a reliable regulatory agency and beyond driving 20 years of empowering business community positive growth of the corporate sector in Malaysia.

"We can see changes where in the past all essential processes such as business registration, renewal and statutory document lodgement could only be done physically over-the-counter services but now, almost all the processes are at your fingertips."

"Just look at the EzBiz Online transaction statistics. In 2021, the number of EzBiz Online transactions was 1.54 million compared to only 274,000 transactions in 2017. The increase in the number of transactions through EzBiz Online since its introduction and the record decline in over-the-counter transactions show that consumers' awareness of SSM's online services is increasing."

In terms of enforcement and regulation, Nor Azimah explained that apart from the conventional method of conducting physical inspections, SSM has developed digital regulatory methods through data submitted by business and corporate entities, apart from adhering to the philosophy of enforcement through education with a balanced enforcement approach.

"In this context, SSM carries out Court prosecutions consistently, besides adhering to the philosophy



Since its inception in 2002, SSM has successfully tabled a total of 11 Bills to Parliament regarding the introduction or amendment of various legislation administered by SSM as well as gazetting 37 subsidiary laws.

DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ
SSM chief executive officer

that education carried out via SSM's Training Academy, is also the best approach to complement enforcement initiatives via the concept of balanced enforcement.

"This is especially true to achieve voluntary compliance, where we can see the compliance rate has increased significantly from only 44 per cent in 2013 to 90 per cent in 2021."

"This transformation has been achieved when the business and corporate communities clearly understand their respective duties and responsibilities under the legislation administered by SSM."

"What is more gratifying is that this compliance rate has remained at 90 per cent and above since 2011 until now. This proves that balanced enforcement methods have been well received by the corporate community in the country," she added.

Nor Azimah said when the Covid-19 pandemic hit the world, SSM helped ease the burden faced by the corporate community and assisted in the country's economic recovery, in line with the aspirations of the Malaysian Family.

She said this can be seen by the introduction of 11 initiatives in 2020 and 2021 as well as six initiatives in 2022.

Moreover, she added that SSM also implemented various initiatives to preserve the welfare of the less fortunate through the provision of Zakat

and Corporate Social Responsibility (CSR).

"From 2014 to 2020, SSM has paid zakat of RM79.9 million and distributed wakalah zakat of RM30.8 million to the poor nationwide. As for SSM's CSR allocation, from 2018-2021 SSM has distributed RM4.7 million to the needy, especially microentrepreneurs and the B40 group."

She stated that SSM also plays an important role in ensuring a stronger economic growth through the payment of corporate taxes from 2017 to 2020 amounting to RM32 million.

"From its inception in 2002 to 2020, SSM has contributed RM2.1 billion to the Federal Consolidated Funds (KWDPI). This shows that SSM has managed its human capital and financial funds through the autonomous powers given to it efficiently."

To mark its 20th anniversary celebration held on April 15, SSM launched a publication titled *SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan*.

This book is a complete documentation of SSM's evolution and growth during the two decades since its establishment in driving the reform and rapid development of the business and corporate community landscape in Malaysia.

The publication can be accessed through the link at www.ssm.com.my/Pages/Publication/Penerbitan/eBookSSM-Dua-Dekad.aspx